

PENGUMUMAN: PENANGGUHAN SYARAT BAHARU PENGIMPORAN GULA KRISTAL DAN GULA PUTIH

Kepada : Semua syarikat yang ingin mengimport gula putih atau gula kristal.

Pelaksanaan prosedur permohonan permit import dua (2) peringkat (permohonan secara bertulis kepada KPDN Putrajaya untuk kelulusan kuota *approved permit* (AP) dan seterusnya permohonan permit secara atas talian melalui sistem ePermit) bagi tujuan pengimportan gula putih atau gula kristal adalah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walau bagaimanapun, syarat-syarat seperti berikut adalah masih terpakai:

- (a) hendaklah mempunyai kandungan sukrosa sekurang-kurangnya 99.5% selaras dengan keperluan pematuhan kepada Akta Makanan 1983, Peraturan 118, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;
- (b) permohonan permit import perlu disertakan bersama sijil analisa (*Certificate of Analysis* - COA) daripada pengeluar atau makmal bertauliah. Sekiranya COA tersebut tidak menyatakan tempoh sah laku, maka syarikat perlu mengemukakan COA dengan tarikh yang tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh permohonan permit import dikemukakan. Sebagai contoh, sekiranya permohonan dikemukakan pada 1 Mei 2026, tarikh COA paling awal yang diterima adalah 1 Mei 2025. Sebarang COA yang bertarikh sebelum tempoh tersebut (Contoh: April 2025 atau sebelumnya) tidak akan diterima bagi tujuan pemrosesan permit import; dan
- (c) permohonan permit import perlu disertakan surat pengesahan kod tarif yang baharu daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Surat pengesahan tersebut mestilah bertarikh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh permohonan.

Bagi tempoh interim, permohonan permit import baharu bagi gula kristal dan gula putih hanya akan diproses setelah syarikat mengisytiharkan kepada KPDN baki stok semasa serta membuktikan keseluruhan kuota terdahulu telah dibawa masuk sepenuhnya. Bagi pemohon baharu, pertimbangan hanya diberikan untuk permohonan pertama, manakala permohonan seterusnya tertakluk kepada syarat pengisytiharan baki kepada KPDN dan pembuktian kemasukan kelulusan sebelumnya

Rujuk: [KPDN.600-14/1/1Jld.5\(11\)](#)

Bahagian Kawal Selia Barang Kawalan,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup